



MUSA AHMAD (tengah) merasmikan Pelancaran Seminar Tamadun Islam dan Tamadun Asia dan Hubungan Etnik sambil diperhatikan oleh **Dr. Nurulwahidah Fauzi (kiri)** dan **Dr. Adibah Sulaiman**.

Seminar dalami hubungan etnik, tamadun Islam dan Asia

SEREMBAN 1 Nov. - Seminar Tamadun Islam, Tamadun Asia dan Hubungan Etnik yang berlangsung di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mampu membina potensi masyarakat pelbagai budaya menerajui pembangunan negara.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, ahli seminar hendaklah juga memainkan peranan mengetengahkan hasil penemuan penyelidikan dalam bidang sejarah dan tamadun Islam serta hubungan etnik untuk dimanfaatkan oleh ummah dan negara.

"Saya berharap seminar yang berlangsung itu menjadi platform untuk memperkenalkan, memperluas dan mendalamkan pemikiran dan ilmu yang telah dipelajari sebelumnya bagi perkongsian bersama," katanya ketika berucap di Dewan Kuliah Pusat USIM, Nilai, dekat sini hari ini.

Seminar itu disertai oleh 32 pembentang kertas kerja daripada ahli akademik tempatan mewakili USIM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sunway, Politeknik dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

Lebih 2,300 peserta hadir pada seminar sehari tersebut.

Mengulas lanjut, kata Musa, seminar yang diadakan mampu menyemarakkan budaya perkongsian dan penerokaan ilmu melalui sesi pembentangan kertas kerja berkaitan.

"Seminar ini membawa subtema antaranya berkaitan dakwah dan agama, sosiologi, kesenian dan kebudayaan, sains dan teknologi, pendidikan dan lainnya, dengan harapan agar isu terkini dapat dibahas dan dibincangkan dengan lebih mendalam," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pengajian Teras USIM, Dr. Adibah Sulaiman memberitahu, usaha itu seiring dengan harapan USIM dalam mengorak langkah untuk melonjakkan tahap serta kebolehan menimba ilmu baharu bagi menghasilkan inovasi yang mampu menjana kekayaan negara, meningkatkan kualiti hidup serta membangunkan ummah.

Dalam pada itu, Pengarah seminar, Dr. Nurulwahidah Fauzi pula menjelaskan, seminar tersebut harus dijadikan landasan untuk menyuburkan kecerdasan intelek sebagai persediaan mengharungi cabaran mendatang terutama menangani isu kontemporari dalam ketamadunan Islam di Asia dan hubungan etnik di negara ini.